

TEKS UCAPAN PERASMIAN

PENGARAH

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI BUMI 2023 PERINGKAT
NEGERI SARAWAK**

TARIKH:

11 MAC 2022 (SABTU)

**TEMPAT: DEWAN MASYARAKAT, MAJLIS BANDARAYA KUCHING
SELATAN**

SALUTATION:

1. YB Dr. Hj. Hazland Bin Abang Hipni
Timbalan Menteri Tenaga & Kelestarian Alam Sekitar (MEESy)
2. Dato Wee Hong Seng
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuching Selatan
3. Yang Berusaha En. Hamzah Bin Hj. Mohamad
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
4. Yang Berusaha En. Marconi Madai
Senior Vice President, HSSE
Sarawak Energy Berhad
5. Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta wakil
6. Pengamal media
7. Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua pada pagi ini kita dapat menyambut Majlis Sambutan Hari Bumi 2023 Peringkat Negeri Sarawak.

SAMBUTAN HARI BUMI 2022

2. *Invest In Our Planet* merupakan tema sambutan Hari Bumi tahun 2023. Untuk makluman, sambutan Hari Bumi dibuat di seluruh negara pada setiap tahun iaitu pada tanggal 22 April. Sambutan Hari Bumi pada tahun ini bertemakan 'Invest in Our Planet' atau 'Melabur di Bumi Kita' membawa pengertian bahawa sudah tiba masanya untuk setiap penghuni di muka bumi ini bersatu padu dalam memelihara dan melindungi kesihatan, keluarga dan kehidupan kita dengan melabur dalam kesejahteraan bumi kita ke arah mencapai masa hadapan yang lebih hijau, makmur dan mampan.

3. Tema ini tertumpu pada penglibatan kerajaan, institusi, perniagaan dan lebih daripada 1 bilion rakyat seluruh dunia yang mengambil bahagian setiap tahun pada Hari Bumi untuk melakukan tanggungjawab mereka ke arah alam sekitar yang lestari.

4. Sambutan Hari Bumi ini diraikan pada setiap tahun di seluruh dunia sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Jabatan Alam Sekitar pada setiap tahun telah terlibat dalam penganjuran program-program kesedaran alam sekitar sempena Sambutan Hari Bumi sebagai usaha dalam meningkatkan kesedaran masyarakat di Malaysia terhadap alam sekitar.

AKTIVITI SEMPENA HARI BUMI 2023

5. Sambutan Hari Bumi, merupakan satu wadah bagi masyarakat global untuk menunjukkan sokongan terhadap perlindungan alam sekitar, terutamanya dalam mendorong penyertaan setiap individu bagi memainkan peranan masing-masing ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak pada kali ini dipenuhi dengan beberapa aktiviti yang bertemakan alam sekitar.

Program Pertandingan Rekacipta Dari Bahan Buangan Sempena Sambutan Hari Bumi Tahun 2023

6. Bahan buangan domestik seperti sampah sarap merupakan antara punca pencemaran kepada sumber air, pencemaran udara dan juga tanah tanih yang menjejaskan kualiti alam sekitar. Program pertandingan rekacipta yang merupakan antara program utama sambutan hari bumi peringkat Negeri Sarawak 2023 ini adalah salah satu usaha mengurangkan pelupusan sisa domestik di tahap pelupusan sampah. Sisa buangan ini di kitar semula sebagai bahan rekabentuk dan diolah menjadi produk lain yang boleh digunakan semula. Walaupun dengan kekurangan yang ada, tahniah kepada golongan OKU ini yang mempunyai kreativiti di dalam mengolah semula buangan menjadi produk yang boleh di guna semula. Ini telah membuka mata kepada semua pihak bahawa setiap lapisan masyarakat sewajarnya mencontohi kegigihan mereka dengan bersama-sama mengitar semula buangan domestik sebagai salah satu bentuk pelaburan kita kepada bumi dengan mengurangkan pelupusan buangan seperti sampah ke tapak pelupusan sampah dan menjadikan bumi senantiasa selamat untuk dihuni seterusnya diwariskan kepada generasi kita yang akan datang.

Program ini bertepatan dengan tema sambutan tahun ini, ' melabur di bumi kita'.

KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK (BEE)

7. Selain kitar semula buangan domestik, pelupusan buangan terjadual seperti buangan elektrik dan elektronik yang tidak sistematik telah menyebabkan masalah pencemaran udara, air dan tanah tanih. Buangan Elektrik dan Elektronik mempunyai komponen yang boleh di olah semula untuk menghasilkan bahan produk yang bernilai dipasarkan. Program dan kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (BEE) Isi Rumah yang mensasarkan komuniti setempat di mana orang ramai digalakkan mengumpul dan menyerahkan BEE kepada syarikat yang telah dilesenkan oleh JAS untuk diproses dengan sewajarnya tanpa mencemarkan alam sekitar ekoran daripada aktiviti pembuangan bahan-bahan e-waste tanpa kawalan.

KERJASAMA SETIAP AGENSI DI DALAM PEMULIHARAAN DAN PEMILHARAAN ALAM SEKITAR

8. Justeru, dalam mendepani cabaran dan merungkai masalah pencemaran alam sekitar yang silih berganti, sinergi antara agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri harus terus digembleng melalui aktiviti penguatkuasaan yang menyeluruh dan mengekalkan momentum yang sedia ada. Hari ini adalah harinya untuk bertindak bukan saja kerana kita peduli kepada alam sekitar tetapi juga kerana kita semua tinggal di dalamnya. Setiap di antara kita perlukan bumi yang sihat untuk menyokong pekerjaan, sumber pendapatan, kesihatan dan kelangsungan hidup serta kebahagiaan kita. Planet sihat bukan pilihan, tetapi suatu keperluan.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Sarawak Energy Berhad (SEB), serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam

menjayakan majlis sambutan ini termasuk rakan-rakan media, rakan-rakan strategik dan komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.